

Putrajaya: Kira-kira 1.600 pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seluruh negara akan diberi kuasa untuk mengendali dan mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan (EPO) kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pelaksanaan itu akan dibuat selepas Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 dikuatkuasakan kelak.

“Setiap pegawai ini dilatih untuk menguruskan mangsa keganasan rumah tangga yang membuat permohonan di bawah EPO malah, mereka diberi kuasa mengeluarkan perintah perlindungan sementara (ex-parte) seperti terkandung dalam rang undang-undang berkenaan.

“Perintah ini adalah salah satu daripada elemen baharu dalam pindaan berkenaan yang bertujuan memberi perlindungan kepada wanita; isteri;

JKM sedia bantu mangsa keganasan rumah tangga



Kita boleh mengesan sama ada pengadu berkenaan membuat aduan palsu berdasarkan pergerakan badan, maklumat yang tidak konsisten dan cuba memutar belit fakta kejadian”

Rohani Abdul Karim

anak-anak dan ahli keluarga lain yang teraniaya,” katanya pada sidang media mengenai Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 di sini, semalam.

Katanya, pegawai yang dilatih itu akan mengumpul maklumat dan menyiasat setiap bukti yang diberikan oleh mangsa dan sekiranya maklumat yang diberikan palsu, mereka

akan dikenakan tindakan.

“Kita boleh mengesan sama ada pengadu berkenaan membuat aduan palsu berdasarkan pergerakan badan, maklumat yang tidak konsisten dan cuba memutar belit fakta kejadian.

“Perintah ini diwujudkan sebagai penambahbaikan terhadap perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO),” katanya.

Beliau berkata, sebelum ini kebanyakan mangsa enggan menggunakan perintah sedia ada kerana bimbang pelaku yang juga ahli keluarga mereka ditahan polis dan dikenakan tindakan mahkamah.

“Pelaksanaan pindaan ini dilaksanakan selepas berlaku peningkatan kes keganasan rumah tangga selain mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.